

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. LUCAS UMBUL

TARIKH : 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 60

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan Stesen Pemancar Komunikasi (Tower) untuk penduduk di Pedalaman Sabah seperti Kg. Sipuok, Pekan Pensiangan, Kg. Salinatan dan Kg. Sibangali dalam Parlimen Pensiangan serta Kg. Rundum, Kg. Sumambu, Kg. Kapulu, Kg. Tilis, Kg. Bakuku dalam Parlimen Tenom bagi mengurangkan jurang digital di antara penduduk luar bandar dan bandar. Kawasan yang dinyatakan tidak mempunyai kemudahan perhubungan telefon.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) belum mempunyai perancangan untuk membina menara telekomunikasi di lokasi-lokasi berkenaan buat masa ini.

SOALAN NO : 60

Walau bagaimanapun, pihak SKMM akan mempertimbangkan keperluan pembinaan menara telekomunikasi di lokasi tersebut di masa akan datang sekiranya terdapat permohonan dan keperluan yang mendesak di lokasi terbabit.

Untuk makluman tambahan Yang Berhormat, terdapat 16 buah menara yang telah siap dilaksanakan dan 15 buah menara sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap sepenuhnya dalam suku keempat tahun 2016 di Parlimen Pensiangan. Manakala, sebanyak 7 menara telah siap dilaksanakan di Parlimen Tenom.

Kementerian berharap dengan pembinaan menara telekomunikasi di kawasan tersebut akan dapat merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar sekali gus membudayakan teknologi komunikasi dalam masyarakat luar bandar di negeri Sabah.